SALINAN:

KESALAHAN DATO' 'SETIA MAHARAJA AMAT BIN KULOP. DIDAKWA OLEH PIHAK POLIS MELAKUKAN PERKARA CURI BARANG-BARANG KEEMASAN

Pig. 115/38. U.R(D) 1/05 (Gen. 5)

1076—25/40—3-11-2640—R 11, 53—Govt. Press, K.L.

From whom	Penolong Pegawai Jajahan, Rembau.	D07 58/46
Place		
Date	20 12 52.	

SUBJECT.

Kesalahan Dato' Setia Maharaja Awak bin Kulop. di. dakwa oleh pihak Polis melakukan perbuatan khianat barang perkara.

FORMER PAPERS.

MINUTES.

1. Report daripada Tuan A.D.O.R. 21.12.52.
Mark'

Kebenaran kemukakan, dapat dan boleh suka orang besar Undang, di. dapati pada adat. ia berkelakuan dengan sendiri.nya.

D. Hibbert
for District Officer Rembau

2. Surat kepada Dato' Setia Awak b. Kulop. 23.12.52
3. " kepada Baba bin Said 1.1.53
4. " " Abdulla Besar Mustafa 6.1.53
5. " " Seca bin Said 7.1.53
6. " " [illegible]
7. " " Mohd. Tahir b. H.T. 27.1.53
8. " " Kulop b. Awak 31.1.53

SALAINAN FAIL:

U.R. (D) 1/05

PENOLONG PEGAWAI JAJAHAN
REMBAU

D.O.T. 55/46

subject:

KESALAHAN DATO' MAHARAJA AMAT BIN KULOP.
DIDAKWA OLEH PEHAK POLICE MELALUKAN
PERKARA CURI BARANG-BARANG PERKEMASAN.

(1) in u.R(D) 1/05

No.(14) in P.J.R.50/03

District Office,
Rembau, 20th. December, 2604

Yang Teramat Mulia,
Undang Luak Rembau.

Beta maalomkan: Che Ahmad bin Kulop, Dato' Seta Maharaja Lembaga Suku Biduanda Satia telah di-daawa oleh pehak police melaku kan perkara churi barang-2 peremasan beharga $920/- di-dalam rumah di-punyai oleh Mohamad bin Katin di-Batang Nyamor pada 4.11.04 mengikut Section 380 Cap.45 Penal Code. Che' Ahmad ini telah di-tangkap dan di-simpan dalam pejabat police di-Kota dan Tampin dari 29.11.04. Case ini telah di-bicharakan di-hadapan Magistrate, Rembau, pada 19.12.04. Kesudahan nya yang kena tudoh mengaku salah di-hukomkan 3 minggu jail kerja berat dan juga di-denda $300/- atau 2 bulan jail kerja berat. Hukoman jail di-jalankan daripada 29.11.04 ia itu hari mula di-tangkap dan di-penjara oleh pehak police. Denda $300/- di-bayar.

2. Beta telah memanjangkan perkara ini kepentahuan kerajaan berkenaan denagn pension nya bagi bulan December, 2604. Satu copy salinan permohonan beta itu ada di-sertakan.

Demikian lah beta maalomkan ada nya.

Asst. District Officer,
Rembau.

(2) in U.R. (D) 1/05

Kehadapan Datuk Setia Amat bin Kulum Drp;
Kampung Chembung Rembau

Ehwal saya meklumkan dengan sabda Yang Teramat Mulia Undang Luak Rembau saya diperentahkan memberitahu Datuk iaitu kepada 26hb Disember 2604 dengan kebulatan Lembaga Darat dan Baruh serta warith Gedang dan orang Besar Undang didapati kesalahan dan adatnya Datuk terpecat dengan sendiri inilah saya maklumkan adanya.

t.t.

Juru tulis kepada Undang Datuk Rembau,
Kepada 27 hb. Disember 2604.

(3) in U.R. (D) 1/05

Yang Teramat Mulia Undang Luak Rembau dengan beberapa selamatnya. Dengan hormatnya hamba datuk yang bernama Baba bin Sahil suku Biduanda Setia Maharaja di Sepri bermakmumkan pada yang Teramat Mulia semenjak hamba datuk berhenti daripada jawatan guru lebeh kurang satu tahun lebeh maka penghidupan hamba datuk sedikit susah didalam pada itu pun alhamdullah senang hamba datuk beribadat kerana tidak ada yang menggangui pekerjaan sekolah. Kesusahan yang mana ialah nisbah daripada makanan kerana tanggungan hamba datuk 8 orang semuanya masa ini ada bersekolah Melayu dan sebkolah ugama juga melainkan yang kecilnya. Dengan sebab itu jika sekiranya ada belas kesihan di atas batu jembala datuk dengan sepenuh-penuh harapan hamba datuk akan Undang datuk mengenai pilihan Datok Setia Maharaja itu kepada hamba datuk. Mudahan-mudahan bertambah nafkah hamba datuk dan bagitu juga ~~xxxxxxx~~ semakan kuat pula ibadat hamba datuk dan anak-anak buah hamba datu sekali. Had inilah hamba datuk sembahkan pada yang Teramat Mulia disudahi mana sabda hamba datuk junjung. Assalamuailkum.

Daripada hamba datuk yang fakir,
Baba bin Sahil

Tertulis 30.12.04.

(4) in U.R. (D) 1/05

Ya qadia hajat

Kehadapan yang ~~mulia~~ yeramat mulia Undang Datok yang memegang tali teraju keadilan didalam Luak Rembau.

Hamba datok mempermaklumkan ke hadapan Yang Teramat Mulia Undang Datok ialah seperti pesaka hamba datok yang bergelar Datok Setia Maharaja Mat itu yang menjadi di Pertu Tanjung yang telah bergenti daripada jawatan itu. Ialah pesaka itu akan digelerkan kepada ~~perut~~ Kampung Tengah. Adapun perut Kampung Tengah itu ada tiga ruangnya: pertama Ruang Cembung, sudah jadi; Datuk Setia Maharaja dua ibubapa Paduka Besar Tandur Besar berlingkungan Kaya Maharaja Othman; kedua ruang Kampung Tengah sudah jadi Datuk Setia Maharaja Kulub bila ibubapa ~~Besar~~ Kulub bila ~~ibu~~ Besar Berlingkung Lela Menteri Jaya Seperi Besanya Maharaja Singa iaitu jawangan Kampong Tengah; ketiga ruang Chuai Bersar Berlingkung Duka Menteri Ta'oh ibubapa Paduka Besar Mutfi belum menerima pesaka Datok Setia Maharaja. Inilah Ruang Juai menuntut pesaka yang terutama itu. Serta hamba datok menurunkan tanda tanfan di bawah ini.

Yang benar
Paduka Besar
~~Mhf~~ Mutfi bin Bakar
15.1.2605.

(5) in U.R. (D) 1/05

Kampung Tengah Sepri

16.1.05

Yang teramat mulia Undang Luak Rembau dengan beberapa selamatnya.

Dengan hurmat al takzim hamba datok yang bernama Baba bin Ismail merpa'kan sembah kepada yang teramat mulia Undang Datok. Dahulu daripada ini hamba datok ada menghantar surat pada yang Teramat Mulia berkenaan dengan Datok Setia Maharaja. Maka oleh yang demikian pada mula-mulanya 30.12.04 telah berunding di tanah pesaka Datok Setia Mahataja buat mencari gilirannya didapati tiada dapat kerana tidak bulat. Pada kali yang kedua 2.1.05 di Tanah pesaka juga, tidak juga dapat. Pada kali yang ketiga 7.1.05 di rumah Datok Seri Maharaja. Tidak juga dapat. Pada kali yang keemat di tanah pesaka Datok Pik Haji Ta'iyah Tanjung Sena. Hari ini dipaspon kerana kejatuhan kapal terbang. Kemudiam kali yang kelima 16.1.05 berunding balik di tanah pesaka Datok Setia Maharaja. Hari ini lembaga lima dan sembilan serta Buapak semuanya hadir. Keputusannya Datok Nika Haji Takyah bercakap dihadapan Lembaga dan waris biduanda mengatakan: perkara ini saya menyampaikan kepada Undang pada Undang Rembau. Dengan sebab itu inilah hamba datok sembahkan pada yang Teramat Mulia Undang Datok.

Disudahi hamba datok memohonkan ampun dan maaf pada yang Teramat Mulia.

Sembah salam.

Daripada hamba Datok yang fakir

Baba bin Sahil.

(5) in U.R. (D) 1/05

Almustahak

Sembah dan ampun serta sujud diiringi dengan beberapa hurmat dan hormat serta takzim iaitu terbut warkah ini daripada hamba Datok yang bergelar Katib ialah yang bernama Haji Gadut bergaduh membuat Duka Besar dahulu hamba datok mempersembahkan kebawah kaul yang mulia Tuan ah Haji Ipap Undang Luak Rembau adalah dengan beberapa selamat sejahteranya.

Maka adalah hamba Datok mempersembahkan ialah seperti Perut Kampung Tengah itu ada empat ruangnya seperti yang tersemat bersama-sama warkah ini. Adapun yang bernama Chupa itu nama dan gelaran iaitu Lintik sebab dadanya berbintik-bintik sebab panau. Maka dipanggil satu orang dua namanya. Adapun keturunan Pitah Duka Besar Nandur keturunan Senang Duka Besar Kulub Bilal. Keturunan Jaiyam Duka Besar Kulub Bakir jadi tahun 1905 keturunan Minah Duka Besar Ahmad Tapa jadi tahun 1939 dan didalam lukisan Perut Kampung Tengah Ahmad Tapa menuntut pusaka ibubapak Duka Besar kepada 26.2.39 mengatakan empat juga Ruangnya Kampung Tengah. Dan masa bertengek yg pertama hamba datuk tiada pergi sebab Duka Besar tiada memberitahu maka bertengok yang kedua Duka Besar pun tidak juga ada memberitahu kepada hamba datuk. Hamba datuk ada mendengar cakap-cakap orang sahaja hamba datuk sendiri pergi maka sampailah di tanah pesaka bercakap di hadapan lembaga2 dan ibubuapak dan besar Cembong serta Besar Kampung Tengah Besar Chuai Besar Sepri dan anakbuah mengatakan empat ruangnya Kemudian ada satu orang nama Udin bin Sohor bercakap dihadapan Lembaga2 Datok Seri Maharaja dan Datuk Sutan Datuk Mendelika. Ini Udin mengatakan dua ruangnya dan satu warith Hj Abdullah bekas Setia Maharaja mengatakan dua jua ruangnya. Dan hamba datuk mengtakan sah empat ruangnya mengikut tali yang terbentang ibubuapak sekarang ruangan yang kosong iaitu Sepri dan Chuai maka ditengok aturan orang yang tua2 ruang Jailamlah yang korong singgahlah kepada Sepri itulaj sahaja yang hamba datuk mempersembahkan disudahi dengan ampun dan maaf hamba datuk kebawah kaus yang mulia Undang Datuk.

Tertulis pada 21.1.2605.

Katib Hj Mohamad Gadut.

(7) in U.R. (D) 1/05

Sembah sujud yang disertakan ta'zim dan takrim tulus dan ikhlas, maka iaitu terbit drp hamba datuk yg dhaif ialah Mohamad Tahir bin Noh yg duduk didalam Kampung Sppri adalah didalam dukacitanya.

Memudahan apalah jua kiranya barang taslimkan oleh Tuhan Malik al Manan warkah warkah hamba datuk yang dhaif ini datang mengadap kebawah kadam Yang Teramat Mulia Undang bagi Luak Rembau yg sentiasa melimpah ruahkan dram dan keadilan kepada hamba datuk sekalian dengan keadilan. Amin ya rabul'alamin.

Wa'bahdahul kalam. Adapun kemudian daripada itu maka inilah hamba datuk merapatkan sembah ke bawah kadam. Berkenaan dengan Lembaga Datuk Setia Maharaja iaitu lembaga bagi suku Biduanda kerap yg sedang dicarikan gantinya sekarang. Maka mengikut pada fahaman hamba datuk, adapaun Ruangan Datuk Setia Maharaja itu ada empat iaitu mengikut jejak ibubapak yang bergelar Duka Besar. Kpd. 26.2.1939Mat Tapa seorang drp suku Biduanda Kerap menuntut pesaka ibubapa di tanah pesaka Tanjung di hadapan Datuk Lembaga yang lima dan sembilan. Maka iapun sekutu juga mengatakan empat juga ruangannya. Kerana Buapak didalam Kampung Tengah bergeler empat dengan gelerannya. Oleh sebab itu jika mengikut tertibnya pada kali ini jatuhlah giliran Datuk Setia Maharaja ini kepada ruangan hamba datuk. Yg demikian berharaplah hamba datuk kepada Yg Teramat Mulia memilihkan salah seorang daripada hamba2 datuk yg tersebut namanya dibawah ini menyandang Lembaga Datuk Setia Maharaja itu. Didalam pada itupun barang mana sabda Undang Datuk hamba datuk sekalian menjunjung.

Sembah dan sujud daripada hamba datuk:

1. Kudin bin Maintah
2. Tahar bin Noh
3. Jani bin Salam
4. Hamid bin Salam
5. Abu Samah bin Said
6. Dahlan bin Ibrahim

Termaktub kpd 27.1.2605 di Kampung Sepri, Rembau.

Hamba Datuk yang menjunjung sabda:

Muhamad Tahir bin Noh.

Kehadrat al makram kehadapan YTM Datuk Lela Maharaja al Haji Ipap Undang bagi Luak Rembau berada semasa ini di balai Gadung adalah dgn beberapa selamat dan kesejahteraan.

Ahdal maka adalah hamba datuk yang dhaif beroleh nama Nordin bin Suhur bermaklumkan kepada YTM Undang Datuk adalah pesaka hamba datuk bergelar Datuk Setia Maharaja Lembaga suku Biduanda Setia sebelah Darat ini telah kosong pada masa ini sekarang, dan telah bertengok di tanah pesaka di Tanjung Datuk Lembaga lima dan sembilan serta waris2 telah jatuh ruangannya pada perut Cembung. Maka dengan hal yg demikian hamba datuk menyatakan yang hamba datuk seorang drp suku Biduanda Setia yang berpesakakan Datuk Setia Maharaja, umor hamba datuk lebeh kurang 46 tahun dan masa ini telatak hamba datuk di Kampung SeriMelenggang. Dan telah lulus juga di dalam sekolah Melayu darjah yang kelima, tahun hamba datu menulis rumi. Masa dulu pernah hamba datuk menjadi kakitangan kerajaan di dalam bahagian sukat menyukat tanah, tiada mendapat apa2 kesalahan drp kerajaan. Jika sekiranya Undang Datuk dengan belas dan kasihan kepada diri hamba datuk menangyng haraplah hamba datuk masuk menjadi pilihan di atas pesaka Datuk Setia Maharaja yang kosong itu. Serta hamba datuk sertakan aturan keturunan daripada suku biduanda Setia Bakar gulungan Kampung Tengah Chembung itu. Maka inilah hamba datuk sudahi dengan sembah sujud serta diiringi dengan ingatan selamat selama-lamanya.

Nordin bin Suhur.
15.2.05.

PERUT KAMPUNG TENGAH RUANGANNYA ADALAH KETURUNAN SEPERTI
DI BAWAH INI:




PITAH (CHEMBUNG)
Timah
Liyuh
Riyut
Nyai Rimbun
Momok
Ripin
Sainu
Ipat
Tatum
Nami
Nandur
Sabu
Kusah
Timah
Udin
Tahir
Dara
Timah
Latit
Limah
Chet
Sa'iyah
Kamar
Liah
Sitam
Nomah
Husin
Lip
Minah
Wahi
Usman
Lias
Siti


Senang
(Kg. Tengah)
Sumi
Kulub Bila
Ranah
Masih
Pitut
(lihat sebelah ms 13)
Kalimah
(Lihat ms.13)
Dahir
Labak
Inak
Iyam
Ta'yah
Sih
Sitam
Selamah
Daud
? ?
Siti
Dolah
Munah
Tuah
Yunus
Pieh
Kepoh
Pandot
Adom
Rahmah
Putih
Choksah
Lias
Limah

Senang

(Kg. Tengah)




Ja'ilam
(Seppri)
Mat Ali
Tijah
Kulub Bakir
Siti
Siah
Ta'ibah
Bidah
Tahir
Limah
Ipat
Hasan
Imah
Kudin
Buruk
Jaya
Abdul Majid
Biah
Chongkong
Dalan
Sapiah
Abu Samah


Minah
(Chuai
Mat Palang
Siah
Ja'inah
Ganda
Labuh
Mahrum
Kumat
Iyat
Inoi
Tawah
Jasin
Tiawo
Said
Sulaiman
Sahat
Randi
Emak Tapa
Kiah
Iyot
Hj Isam
Lisar
Hj Dahan
Ahmad

Chembung	Kg Tengah	Sepri	Chuai
Pitah	Senang	Ja'ilam	Sinah
Tahir	Kulub Bilal	Tahir	Tawah
Udin	sudah jadi	Ipat	Jasin
Osman		Hasan	Hj Dahan
Wahab		Kudin	Ahmad
Lias		Dalan	Ahmad Tapa (Buapak)
Husin		Abu Samah	
Ipit		Jani	
		Abdul Hamid	

(8) in U.R. (D) 1/05

Keterangan

Orang tua Gandik itu asalnya dari Gadung. Beranak seorang ber nama Chepa gelarannya Rintik kerana Chepa ini banyak panau jadi tubuhnya rintik-rintik. Kadang orang panggil Chepa dan kadang-kadang Rintik. Kemudian Chepa ini befanak 6 orang yang tua bernama Pitah yang kedua Dua yang ketiga Senang yang [illegible] keempat Ja'ilam yang kelima Minah dan yang keenam Bengkong. Bila beranaknya yang tua ditebuskan di Chembung kemudian yang adiknya Dua mengikut diam rumah akaknya Pitah. Bila Dua sudah besar dapat gelaran Datuk Setia Maharaja. Inilah Datuk yang mula-mula jadi di dalam Kampung Tengah Ruangan Chembung. Kemudian lepas itu datuk Setia Maharaja Kulub Bilal Datuk Setia Maharaja yang kedua di dalam Kampung Tengah juga.

2) Mengikut orang-orang tua dahulu giliran Datuk Setia ini cuma satu sahaja walau siapa jadi belehlah asal orang Kampung Tengah.

3) Mengikut giliran Buapak yang bergelar Duka Besar bahawa Datuk Setia Maharaja ini bergilirlah dengan 4 ruangan kerana Duka Besar bergilir 4 gilir. Giliran yang disusun oleh Datuk Setia Maharaja Kulub Bilal. Lihat susunan sebelah.

4) Mengikut keturunan Orang Besar yang disusunkan oleh Datuk Setia Maharaja Kulub Bilal itu 4 juga keturunan. Hingga masa ini. Lihat susunan sebelah.

Hamba datuk yang fakir.

tt

Nordin Suhur.


Gindik
Chipa (Rintik)
1. Pitah
2. Dua Lelaki Datuk Setia Raja
3. Senang
4. Ja'ilam
5. Minah
6. Bingkong Lelaki
1. Limah
2. Siyut
3. Loyah
4. Nyai Rambun
5. Mumat: Lelaki
6. Husin Lelaki
1. Kalimah
2. Ma'siah
3. Pitut
4. Ghanah
5. Sumi
6. Kulub Bila Lelaki Datuk Setia Maharaja
1. Tijah
2. Ma'li Lelaki
3. Nyai Da'chik
5. Siti
4. Kulub Pasang Lelaki
3. Kiah
2. Jintan
1. Ganda
Chembung
Buapaknya Tandur
bergelar Duka Besar
Orang Besarnya: Kaya Maharaja
Kampung Tengah
Buapaknya Kulub Bila
bergelar Duka Besar
Orang Besarnya:
Menteri Hakim
Sepri
Buapaknya Kulub
Bakir, bergelar
Duka Besar
Orang Besarnya:
Maharaja Singa
CHUai
Buapaknya Mat Tapar
Bergelar Duka Besar
Orang Besarnya
Duka Menteri

INILAH YANG HAMBA MENDAPAT PERATURAN MENGATAKAN
RUANG YANG EMPAT SEPERTI YANG TERSEBUT DI BAWAH
INI

ibunya

GINDIK beranak seorang perempuna namanya:

Chupa

(1) Pitah Chembung

(2) Dua' Datuk Setia Maharaja

(3) Senang Kampung Tengah

(4) Ja'ilam Sepri

(5) Minah Chuai

(6) Bangkung Lelai Mati

ditebuskan ibunya di Chembung
Anuk diam sama mengikut

PITAH - Chembung

Ripin Mumat Nyai Rimbun Riyut Lubyah Timah

Timah Puteh Saba Nandur Duka Besar Nani Enum Inu Sainm

Husin Normah Yasin Siah Kamar Liah Bukyah Jata Limah Latip Dara Tahir Udin

Siti Suman wahab Alias

SENANG - Kampung Tengah

- Sumi
  - Dahir
    - Selamat
  - Lobak
    - Pueyah
  - Inap
  - Iyam
    - Daud
- Kulub Bila Bilal (Paduka Besar)
- Ngonah
  - Sitam
    - Yunus
    - Piah
    - Kupuk
    - Pieh
  - Sobah
    - Siti
      - Adom
      - Ramah
      - Puteh
      - Cheyah
    - Dolah
    - Nia'h
    - Minap
- Masih
- Pitot
- Kalimah


SENANG - Kampung Tengah
Sumi
Kulub Bila
Bilal
(Paduka Besar)
Ngonah
Masih
Pitot
Kalimah
Sara
Sumu
Namat
Timah
Isa
Saira
Ijah
Babo
Karim
Mat Sari
Lembik
Alur
Yasin
Supik
Bidah

SENANG - Kampung Tengah




JA'LAM - Sepri
Tijah
Mat Ali
Nyai Richik
Tiyabah
Suman
Siti
Kulub Bakir
(Duka Besar)
Buruk
Kudin
Iyam
Hasan
Isah
Tahir
Jani
Hamid
Bi'ah


HINAH - Chuai
Kanda
Jinan
Kiah
Kulup Pasang
Iyat
Inoi
Tiwa
Jasin
Takwah
Inoi
Haji Isam Isa
Randai Mat Tapa
(Duka Besar)
Piah
Peot

MULA-MULA MOYANGNYA DI KAMPUNG TENGAH
BERNAMA




GINDIK
CHUPA
NYAI RINTIK
Dua'
Pitah
Nimah
Liwiyah
Riyut
Ribun
Ramat
Ripin
Sialwar
Sinap
Udin
Kaya Maharaja
dahulu
Tahir
Dara
Lijah
Latip
Limah
Chét
Mani
Minah
Sabuah
Rimah
Husin
Hasen


GINDIK
CHUPA
NYAI RINTIK
DUA'
PITAH
Nimah
Liwiyah
Riyut
Ribun
Ramat
Ripin
Nai
Piah
Piah
Kamad
Tianun
Siti
Awa
Osman
Kaya
Maharaja
sekarang
Wahab
Jinap
Kalsom
Kling
Bokyah
Kunting


GINDIK
CHUPA
NYAI RINTIK
Dua'
Pitah
Nimah
Liwiyah
Riyut
Ribun
Rahat
Ripin
Sabu
Nandol
Timah
Pucheh
Paduka
Besar
Dahulu
Nurmah
Lijah
Idris
Yasin
Junus
Akek
Labiah
Bianah
Siti Maliah
Nati
Nurdin
Saleh

GINDIK

CHUPA

NYAI RINTIK

Minah Chuai

Senang kg Tengah

Ja'ilam Sepri

Bangkong

Ganda

Jinan

Kiah

Kulup Pasang

Tawa

Jasin

Ta'wah Paduka Menteri Sekarang

Inoi

Siah

Laboh

Anoi

Kiah

Mat Tahir Duka Besar sekarang

Situn

Mahrom

Dumat

Sulaiman

Jasin

Ujang


GINDIK
CHUPA
NYAI RINTIK
Minah
Chuai
Senang
Kg Tengah
Ja'flam
Sepri
Bangkong
Kalimah
Pitut
Masih
Romah
Sami
Kulub Bila
Batek Setia
Maharaja
dahulu
Sibat
Siti Isa
Timah
Sara
Chipok
Draman
Hj Gadut
Katib
Sekarang
Chai
Mahadi
Sintan
Saba'ra
Tijah
Baba
Lela
Menteri
dahulu
Sari
Limbek
Karim


GINDIK
CHUPA
NYAI RINTIK
Minah
Chuai
Senang
Kg. Tengah
Ja'ilam
Sepri
Bangkong
Kalimah
Pitut
Masih
Ronah
Semi
Kulub Bila
Datek Setia
Maharaja dahulu
Awang
Piei
Sitam
Seyah
Junus
Pandaan
Pingah
Patbah
Kupuk
Alias
Halijah
Siti
Dolah
Lela
Menteri
sekarang
Tabiah
Manap
Raja
Singa
dahulu



Nordin bin Suhor
Kampung Chembung
Rembau

20.1.05

Tanah Pesaka Datuk Setia
Maharaja
24.1.05

Rahasa didalam warith Biduanda Setia Maharaja dan beribubapa Duka Besar dengan peraturan atau ruangan di bawah ini:

Kg Chembung dua (2) Ruangan. Tandatangan yang mengatakan dua ruangan dibawah ini.	Kg Tengah 4 Ruangan empat Tandatangan yang mengatakan 4 ruangan dibawah ini.	Kg. Sepri 4 Ruangan (empat) Tandatangan yang mengatakan empat ruangan di bawah ini	Kg. Chuai 3 Ruangan Tandatangan yang mengatakan 3 ruangan dibawah ini.
1. Nordin b. Suhur Chembung	ia bin Sahil		
2. Mohd Tahir b Suhur	Saksana Wahab	Saksana Wahab	Paduka Besar
3. Kaya Maharaja Osman b Aman	Nara Sati Osman	Nama Sati Osman	-
4. Latip bin Suwun	Amit Maraja Singa	Amit Maraja Singa	
5. Bokyah	Tahir b. Noh	Tahir b. Noh	
6. Abdul Wahab b. Ahmad	Hj Mohd Gadut Ghalib	Hj Mohd Gadut Ghalib.	

Sekalian waith Biduanda Setia Maharaja memulangkan perkara ini kepada Lembaga Lima dan Sembilan minta lanjutkan adanya.

24.1.05

Ibubapa Motif
Paduka Besar serta
sampai kpd Lembaga
5 dan 9
24.1.2605

Adalah didalam siasatan dan tengokan datuk2 Lembaga lima dan sembilan giliran Datuk Setia Maharaja itu ialah didalam Kampung Tengah. Adalah Kg Tengah itu dua Ruangan 1 Chembung 2 Kg Tengah. Kali ini jatuh jatuh giliran itu ialah didalam Ruangan Chembung kerana Datuk Setia Maharaja Dua itu sejak lama orang Chembung adanya.

Yang benar

1. Datuk2 Lembaga
2. Datuk Amat
3. Datuk
4. Datuk Indaka Ma'ruf
5. Datuk
6. Datuk Sutan Kadir (?)
7. Datuk
8. Datuk Dagang Adam.

Kehadapan Muhamad bin Mustapa
Buapak Suku Biduanda Setia
Chembung Rembau.

Dengan sabda Yang Teramat Mulia Undang Luak Rembau saya diperintahkan memberitahu Paduka Besar iaitu dikehendaki Paduka Besar datang ke Balai Undang Rembau di Rembau pada hari Isnin pukul 11.00 tengahari bersamaan dengan 19 hb Februari 2605.

2. Dikehendaki Paduka Besar memberitahu sekalian orang-orang beradat serta warith-warith Paduka Besar yang berhak menuntut pesaka Datuk Setia Maharaja itu kerana yang Teramat Mulia Undang akan menyasat dan mencari giliran pesaka itu. Harap Paduka Besar jangan uzurkan adanya.

tt

Juru tulis pada Undang Luak Rembau
Kepada 15 hb. Februari 2605.

Buapak Paduka Besar Mustafi bin Bakar
Besar Nara Sate Osman bin Ibrahim
Besar Kaya Maharaja Osman bin Ahmad
Besar Maharaja Singa Hamid bin Salam
Besar Haji Muhamed Gadut bin Haji Ali (Katib).

Paduka Besar Mustapa bin Bakar berkata: Suku setia Maharaja itu ada tiga perut: (1) Tanjung, (2) Kampung Tengah (3) Pedas. Pechah Tanjung pergi kepada Kampung Tengah. Kampung Tengah itu tiga Ruangnya (1) Chembung, (2) Kampung Tengah, (3) Chuai. Chembung telah jadi Datuk Setia Maharaja Dua' Besarnya Kaya Maharaja, Kampung Tengah telah jadi Setia Kulub Bila lingkungán Lela Menteri dan Menteri Hakim, Chuai rungnya belum jadi lagi Lingkungan Duka Menteri. Di Sepri ada satu pechahannya iaitu Maharaja Singa cawangan Kampong Tengah.

Nara Sate Osman: Giliran Datuk Setia Maharaja empat perutnya (1) Kampung Tengah, (2) Chembung, (3) Sepri, (4) Chuai. Yang empat perut itu dua telah berisi (1) Chembung Setia Dua' (2) Kampung Tengah Setia Kulub Bila. Tinggal dua perut belum ada (1) Sepri (2) Chuai.

Kaya Maharaja Osman: berkata: Gilirannya dua sahaja (1) Chembung (2) Kampung Tengah sebab Besarnya dua sahaja (1) Kaya Maharaja Chembung (2= Duka Menteri Kampung Tengah Yang lain itu baru mengatakan. Baru tidak dapat.

Maharaja Singa Hamid bin Salam berkata: Empat ruangannya (1) Kampung Tengah, (2) Chembung (3)Sepri (4) Chuai. Jalan saya tak tahu amat.

Katib Haji Gadut: Tiga perut: (1) Kampung Tengah, (2) Pedas (3) Tanjung. Perut Kampung Tengah Gindik itu beranak seorang bernama Chepa mengadakan anak enam orang (1) Pitah Chembung (2) Senang Kampung Tengah (3) Ja'ilam Sepri (4) Pisah Chuai (6) Bangkung. Chembung telah jadi Setia Dua'. Lepasnya balik Kampung Tengah Menteri Hakim. Chuai Duak Besar Sepri Raja Singa Buapaknya pula (1) Kampung Tengah Kulub Bila (2) Kulub Bakar Ruangan Sepri (3) Chembung Nandur (4) Chuai Mustafa.

Baba bin Sahil berkata: Kubangnya 3, Kampung Tengah, Pedas Tanjung. Giliran ini singgah Kampung Tengah. Asal keturunan ini daripada Gadung seorang perempuan pernama Gindak mengadakan anak seorang bernama Chepa mengadakan anak 6 orang (1) Pitah (2) Kulub Dua (3) Senang (4) Ja'ilam tinggal Sepri (5) Minah tinggal Chuai (6) Lelaki meninggal. Hamba datuk salasilah ini dapat kepada Setia Kulub Bila. Duka Besar Kulub Bakir perut Ja'ilam pechah itu pergi ke Chembung perut Pitah Pechah Pitah pergi ke Chuai jadi Mustafi. Ja'Ilam Maharaja Singa. Perut Pitah Kaya Maharaja Perut Minah Duka Besar gelarnya.

Nordin bin Shhur berkata: Perjalanan Datuk Setia Maharaja itu asalnya Gadung namanya Gindik duduk di kampung Tengah kemudian itu anaknya ada dua (1) Chipa duduk Chembung (2) Nyai Rintik duduk Kampung Tengah. Anak Chepa itu ada dua satu telah jadi Setia Dua. Nyai Rintik ada empat anaknya Minah duduk di Chuai, Ja'ilam duduk Speri. Senang duduk Kampung Tengah. Satu lelaki Mingkung. (1) dapat Chembung Setia Dua, (2) Kampung Tengah Setia Kulub Bila. Itulah menunjukkan dua pechahan mengikut Setia yang telah hamba datuk tahu dapat keterangan maka akan Besar itu baru.

Tahir bin Noh berkata: Iaitu Gindak bernaka seorang perempuan namanya Chepa. Chempa beranam enam orang (1) Pitah (2) Dua (30 Senang (4) Ja'ilam (5) Minah (6) Lelaki Bingkong mengkat. Pitah pindah di Chembung dengan Dua bergelar Datuk Setia Maharaja. (1) Senang tinggal Kampung Tengah Kulub Bila. Ja'ilam Chembung Kaya Maharaja, Chuai Duka Menteri buapaknya Kampung Kulub Bila. (2) Kulub Bakar Sepri perut Chembung, Nandur Chuai Mustafa. Sehinggakan itu hamba datuk tahu.

Kebulatan Paduka Besar memulangkan

memulangkan

Semua memulangkan: memulangkan

memulangkan

Memulangkan kepada Undang.

Kebulatan datuk-datuk dan ibu buapak dan warith biduanda setia maharaja menentukan pesaka di Tanjung Chembung Rembau.

Yang hadir datuk-datuk Datuk Seri Maharaja Ahmad (2) Datuk Andika Maarof (3) Datuk Sutan Abdul Kadir ibu ~~bapa~~buapak Datuk Puteh Inoh (2) Kanda Ngah (3) Paduka Besar Ahmad (4) Panglima Dalam Hamid Besar-besarnya Kaya Maharaja Osman, Lela ~~Maharaja~~ Menteri Dolah Nara Sati, Raja Singa Ahmad, Laksamana, Menteri Hakim, Khatib hj Gadut dan waris-waris Kampung Tengah, Chembung, Sepri.

Tanya Datuk Seri Maharaja pada ibubapa dan waris. Giliran Datuk Setia Maharaja ini di kampung Tengah. Adapun ruangan Kampung Tengah itu 4. Nomber 1 Kampung Tengah (2) Chembung (3) Sepri (4) Chuai. Kata ibu buapak dan waris bersetuju atau tidak ruangan. Jawab ada yang tidak ada yang bersetuju. Besar-besarnya yang bersetuju Besar Sepri, Kampung Tengah, Chuai yang kata 4 ruangan; yang lain besar waris tidak bersetuju dijadikan 4 ruangan aitu Udin bin Suhur.

Chakap Udin: Adapaun rungan yang saya tahu pada orang tua-tua iaitu 2 sahaja. Rungan no (1) Kampung Tengah, No. (2) Chembung kerana sebabnya besarnya 2 yang asal didalam Kampung Tengah Paduka Menteri Datuknya Setia Maharaja Kubub Bila. Dahulu di Chembung Kaya Maharaja Datuknya Dua' dan besarnya hilang di Kampung Tengah jadi Kampung Tengah sahaja, Di Cembung besarnya hilang di Chembung jadi di Chembung kerana besar-besar ini berketurunan sahaja. Jnilah sebab menunjukkan 2 rungan datuk Chembung dan Kampung Tengah Pechahan Kampung Tengah itu Sepri Chuai Kampung Tengah Datuk orang itu satu asalnya datuk.

ChakapBaba Bakal Lela Menteri dahulu: Giliran Datuk Setia Maharaja ini di Kampung Tengah 4 ruangannya datok. No. 1 Pitah di Chembung (2) Senang Kampung Tengah (3) Minah Chuai (4) Ja'ilam Sepri. Ada satu orang nama Bangkung Jantan dan besarnya Kaya Menteri di Chembung (2) Paduka Menteri di Chuai datuknya nama Giling-giling di Chembung datuknya nama Dua' Setia Maharaka (3) Kampung Tengah Menteri Hakim datungnya Kulub Bila (4) Sepri besarnya Maharaja Singa , Setia Maharaja belum ada lagi.

Tanya datuk Sri Maharaja pada Baba: Saya tidak ada mendengar gelaran datuk Giling-giling ini. Dimana dapat nama ini dan saya baru menegokkan aturan Datu Setia Maharaja ini yang saya tahu namanya Tawar orang Tanjung inilah yang dikatakan orang Giling-giling sebab dia bercakap giling-giling datok tidak pakai chakap Giling-giling ini lalu berhenti cakap Baba:

Soal Udin pada Baba - nama Chupa - di Chembung 2 orang anakńya (1) Dua' (2) Pitah.


Yang asal
Gindik duduk di Kampung Tengah
2 anaknya
di Chembung
Kampung Tengah
Chupa
Nyai Rintik
Senang
Dua'
Pitah
Kalimah
Pitut
Runah
Minah
Seni
Kulub Bila
Datuk Setia
Maharaja dahulu
Nimah
Liyut
Riyut
Nyai
Rimbun
Ripin
Ahmad
jantan

Cakap Kudin Bergelar Raja Singa: Ditanyanya datuk Sri Maharaja Ahmad.

1) Datuk Setia Maharaja Kulub Bila dulu apa pada Kudin -
Jawabnya Datuknya Sepri.

2) Datuk Setia Maharaja Kulub Bila duduapa pada orang Chuai -
Jawabnya datuk neneknya.

3) Datuk Setia Maharaja Kulub Bila dulu Apa pada orang Chembung -
Tidak saya tahu datuk jawabnya

dan giliran ibu buapak bergilir ibunya dahulu ia nama Gindik 4 orang anaknya yang satu tahu. Lain tidak.

Cakap Haji Gadut Khatib: Saya tahu datuk 4 ruangan iaitu No. (1) Chupa duduk di Chembung (2) Senang duduk Kampung Tengah (3) Minah duduk di Chuai (4) Ja'ilam duduk Sepri. Keturunan Senang ialah Kampung Tengah:



Yang lain perut Chembung, Sepri, Chuai saya tidak dapat keturunan datuk.

Cakap Nara Sati Osman Besar Kampung Tengah: Mula-mula moyang saya Gindik anaknya 2 orang:





Inilah yang satu tahu. Lain tidak tahu keturunannya datuk.

Cakap anakbuah Tahir: Mula-mula Gindik anaknya dua orang



Cakapa Paduka Besar ibu buapak: Giliran Datuk Setia Maharaja ini 4 rungan satu perut Sepri baru lagi - (1) Chupa (2) Kampung Tengah (3) Chembung.

1. Di Chembung

Chupa

tak tahu keturunan

2. Kampung Tengah

Nyai Rintik

tak tahu keturunan

3. Nyai Senang



Inilah yang saya tahu datuk lain tidaklah saya tahu keturunannya, datuk

Cakap begelar Datuk Sedia Maharaja Hj Dolah, Perut Tanjung: Saya yang tahu 2 ruangan sebab ada orang tua datang dari baruh Gadung namanya Gindik duduk di Kampung Tengah anaknya ada 2 orang:





Orang-orang ini keturunan datuk yang saya tahu 2 ruangan.

Ditanya Datuk Seri Maharaja kepada Haji Talib perut Tanjung. Cakap bergelar Datuk Setia Maharaja Haji Dolah ini - bersetuju seperti yang dia ceritakan ini kerana ~~pun~~ dia pun tu lebeh tahu daripada saya datuk. Saya tidak bercakap lagi. Kata Haji Talib.

Cakap warith-warith dan ibu buapakbesar-besarnya sudah habis. Bila ditanya oleh datuk tiada jiakalau siapa-siapa mahu bercakap bolehlah bercakap. Dijawabnya semua tidak ada lagi datuk hendak bercakap.

Ditutup 5 petang.

£££££££

Kemudian sudah habis bercakap Besar-Besar dan Warith sekali, Datuk-datuk dan ibu buapak sekali mencari ruangan Datuk Setia Maharaja ini ialah didalam Rungan Chembung kerana apa menunjukkan 2 ruangan ialah seperti besarnya yang asal 2 sahaja. (1) Kaya Maharaja (2) Paduka Menteri Sebab tidak bergilir itulah menunjukkan 2 ruang. Yang bercakap ialah Datuk Indika Makruf tidak ada apa digalangan warith dan besar-besar. Kemudian kebulatan hal ini akan disampaikan kepada Lembaga yang sembilan minta tengokkan pada 7.1.05.

Ditutup 6 petang

@@@@@@@

7.1.05

Kebulatan meniparkan aturan Datuk Setia Maharaja di rumah Datuk Seri Maharaja Ahmad.

Lembaga 9: Datuk Nika Haji Ta'ib (2) Datuk Jinda Kidam (3) Datuk Ngiang Mak Aris (4) Datuk Dagang Adam (5) Datuk Suri Maharaja (6) Datuk Andika Maaruf. Datuk Sutan Bendahara Kadir dan ibu buapak sekalian - diperintah kepadanya Duka Besar, Panglima Dalam Hamid dan besar-besar warisnya sekalian.

Datuk Nika Haji Ta'ib bertanya pada Besar Paduka Menteri Na'oh. Katanya: mula di Kampung Tengah ibu buapaknya nama Sunik. Chuai besarnya Kampung Tengah bergelar Paduka Menteri Karim. Sekarang Paduka Menterinya di Chuai Ta'oh - Kaya Maharaja Kampong Tengah nama Sabu dahulu.

Ruangan 3

1) Kampung Tengah
Nyai Rintik

2) Chembung
Chupa

3) Chuai
Nyai Senang

Inilah dia yang tahunya datuk.

Datuk-datuk yang ada ini bersetuju juga menyampaikan kata waris dan besar pada Yang Teramat Mulia Undang Luak Rembau bila harinya akan dipanggil kerana semuanya sudah bercakap dahulu.

YAKARIM

Kehadrat almukaram kedahdapan yang berbahagia lagi dermawan Undang Luak Rembau aman sejahteranya.

Daripada hamba datuk yang hina lagi miskin yang beroleh nama Sudin bin Ujang waris suku biduanda perut kampung Tengah Sepri.

Waba'dah dimaklumkan kehadapan yang teraman mulia Undang Luak Rembau ialah hamba datuk mendengar datuk setia lembaga suku biduanda sudah terletak kepangkuan yang teramat mulia Undang Luak Rembau.

Dengan bebalnya hamba datuk telah mendengar gilirannya kepada perut hamba datuk waris kampung tengah. Uwan hamba datuk namanya Sada sebab ini hamba datuk mengurus permintaan kepada yang mulia.

Jaardar rahim dan kasihan yang teramat mulia Undang Luak Rembau kepada hamba datuk, mengurniakan datuk setia ini kepada hamba datuk dengan redha' yang amat mulia.

2. Senya pekerjaan hamba datuk semenjak lepas daripada sekolah Melayu pada tahun 1924 hamba datuk pergi Seremban menjadi kuli surveyer. Reked hamba datuk menjadi kuli surveyer seperti berikut:

1. Raja Hamzah keraninya
2. Muhamad Yusuf keraninya
3. Orang Keling keraninya. Lalu hamba datuk mendapat mandur.

Beserta bertukar ikut Tuan Walker dan tuan Wilton pergi Jelebu Kenabei. Dan apabila tuna ini pulang ke negerinya hamba datuk ditolongnya dalam pekerjaan forest tahun 1929 hingga sekarang bertukar-tukar sampai Negeri Melaka tahun 1937.

Umer hamba datuk 40 tahun tidak apa kesalahan kepada adat dan kepada kerajaan adanya.

Aderes pekerjaan hamba datuk
Sudin bin Ujang
Forest Guard
Bt. Eruang
Malacca

yang benar

Sudin bin Ujang
Waris Perut Kampung Tengah
23.2.20

diterima 26.2.05.

Kehadapan Paduka Besar Mustafa bin Bakar,
Kampung Tanjung Sena Rembau.

Dengan sabda Yang Teramat Mulia Undang Luak Rembau saya diperintahkan memberitahu Paduka Besar iaitu dikehendaku Paduka Besar memberitahu sekalian waris yang berhak menuntut pesaka Datuk Setia Maharaja datang ke Balai Undang Rembau di Rembau pada pukul 11.00 pagi nipon jangan lewat hari isnin bersamaan dengan 12 haribulan setagatusu 2605 kerana Yang Teramat Mulia akan mengambil nama-nama mereka yang berhak menuntut pesaka Datuk Setia Maharaja itu adanya.

tt

Juru tulis kepada Undang Luak Rembau
Kepada 6 haribulan setagatusu 2605

CHUAI

1. Mustafa bin Bakar. Jawatan buapak Paduka Besar. Umur 45 tahun. Kerja kampung buapak orang suku Paya Kumbuh menyemanda kepada Datuk Nika. tiada salah kepada Kerajaan dan pada adat juga.
2. Taoh bin Hj Dollah. Umor 80 tahun, tak hendak menyandang pesaka.
3. Hj Gadut b. Hj Ali. Gelar Besar Ketib (Kg. Tengah), Umor 50 tahun menulis tahu.
4. Wahab bin Taoh. Laksamana. Umor 38 tahun. Sekolah std. IV. Kerja kampung. Ia dapat.
5. Baba bin Sail. Umor 48 tahun. Kerja Kampung dahulu jadi guru telah berhenti tiada kesalahan.
6. Mohd Isa bin Hj Ibrahim. umor 65 tahun tak berhajat menyandang pesaka.

SPRI

7. Amit bin Salam. umor 43 tahun dahulu kerja ukor sekarang kerja kampung Gelar Maharaja Singa 5 tahun aturan adat tak tahu sekolah Melayu ~~std~~ 3, tiada salah di Cord (Court?) dan dikampung.
8. Dahalan bin Ibrahim, umor 18 tahun, ~~ayah orang Linggi menyenda~~ nikah ke Mungkal, ~~sekolah darjah IV ada kerja sukat tanah~~ sekarang 2 minggu kahwin kerja kampung, ~~adat tahu sedikit~~ berhajat menyandang pesaka, tak dapat tentang adat.
9. Tahir bin Noh, umor 42 tahun, ayah orang Linggi, menyenda ke Mungkal, sekolah darjah IV ada kerja sukat tanah sekarang kerja jampung. adat tahu sedikit.

Chembung

10. Nordin bin Suhor: umor 46 tahun kerja berniaga dahulu servia (surveyer?) masa Jepun ada jadi ~~manager~~ estate Lanang Pantang dibuat bopak suku Paya Kumbuh, menyembda kepada Datuk Nika, sekolah Pass V tiada kesalahan di Cord ada bergadoh di kampung telah selesai.
11. Mohd Tahir bin Sukor, umor 45 tahun kerja kampung. Dahulu kerja Polis (pensen) menyemhda pada Datuk Nika adat tak tahu ada saudara perempuan, tiada kesalahan pada adat.
12. Wahab bin Ahmada, umor 32 tahun, kerja kampung dahulu kerja Police sekolah std V menyenda Paya Kumbuh adat tak tahu Kesalahan tak ada suku bapa Paya Kumbuh.

13. Beeh bin Tanan (Tanau?), umor 42 tahun kerja sevia mandor, sekarang kerja kampung adat tak tahu, menyenda kepada datuk nika, kesalahan tak ada.

14. Osman bin Ahmad. Gelar Kaya Maharaja, bapa orang Paya Kumbuh. Umor 38 tahun, Pass V adat tak tahu tiada apa-apa kesalahan ada kerja cooly sevia dahulu.

1. Nordin bin Suhor
2. Dahalan bin Ibrahim
3. Mohd Tahir bin Suhor
4. Osman bin Ibrahim
5. Taib bin Noh
6. Wahab bin Tawah
7. Dolah bin Wahab
8. Baba bin Sail
9. Osman bin Samat
10. Sipok bin Tulah
11. Wahab bin Ahmad
12. Hamid bin Salam
13. Haji Gadut bin Hj Ali
14. Isa bin Hj Ibrahim
15. Mustapa bin Bakar (Buapak Paduka Besar)
16. Layap bin Suhur
17. Buhin bin Manan
18. Tawah bin Hj Dolah.

Tanya Undang pada waris biduanda setia maharaja tak ada terkilan siapa dijadikan? Jawabnya tak ada.

Lantikan Datuk Setia Maharaja pada 19.3.05.

tt

DP

19/3/05

SIASATAN GILIRAN DATUK SETIA MAHARAJA

KEPADA 19 haribulan Nigatisu 2605

Lembaga yang tiada hadir (1) Datuk Bangsa Balang Pii yang lain semuanya hadir belaka.

Paduka Besar Mustafa bin Bakar berkata: Suku setia maharaja ini tiga kubangannya (1) Tanjung (2) Kampung Tengah (3) Pedas, pecat Datuk Setia pada giliran Tanjung perga kepada kampung Tengan. Masa ini gilirannya kepada Kampong Tengah. Dalam Kampung Tengah itu ada tiga ruangannya: (1) Kampung Tengah (2) Chembong (3) Chuai. Pada ruangan Chembung telah jadi Datuk Setia Maharaja (Dua') besarnya Kaya Maharaja Kampung Tengah telah jadi Setia Maharaja Kulub Bilal lingkungan Lela Menteri dan Menteri Hakim Chuai ruangannya belum jadi lagi lingkungan duka Menteri. Di Sepri ada satu pechahannya iaitu Maharaja Singa cawangan Kampung Tengah.

Nara Sati Osman berkata: Giliran Datuk Setia Maharaja itu empat perutnya (1) Kampung Tengah (2) Chembung (3) Sepri (4) Chuai. Yang empat perut itu dua telah berisi (1) Chembung Datuk Setia Maharaja (Dua') (2) Kampung Tengah Datuk Setia Maharaja Kulub Bilal, dua perut belum berisi (1) Sepri (2) Chuai.

Kaya Maharaja Osman b in Amat berkata: Giliran Setia Maharaja dalam Kampung Telah dua sahaja (1) Chembung (2) Kampung Tengah sebab besarnya yang asal dua sahaja (1) Kaya Maharaja Chembung (2) Duka Menteri Kampung Tengah, yang lain itu baharu.

Soal Undang kepada Kaya Maharaja: Apa sebab Besakr yang lain itu dikatakan baharu ? dan masa bila besar itu di buat ? Jawab Kaya Maharaja tak tahu.

Maharaja Singa Hamid bin Salam berkata: Saya tahu empat ruangannya (1) Kampung Tengah (2) Chembung (3) Sepri (4) Chuai. Jalannya sebab empat itu saya tak tahu.

Katib Haji Gadut berkata: Yang saya tahu kubangnya tiga (1) Kampung Tengah, Pedas, Tanjung. Perut kampung itu asalnya seorang perempuan datang dari Gadung bernama Gindik dan mengadakan seorang anak perempuan bernama Chepa dan Chepa itu telah mengadakan anak 6 orang (1) Pitah Chembung (2) Senang Kampung Tengah (3) Ja'ilam Sepri (4) Minah Chuai (6) Bangkung lelaki. Chembung telah jadi Datuk Setia Dua' Kampung Tengah telah jadi Datu Setia Maharaja Kulub Bilal Besarnya bergelar Menteri Hakim, Perut Chuai iaitu perut Paduka Menteri, perut Sepri iaitu perut Raja Singa yang belum merasa lagi. Buapaknya pula telah jadi (1) Kampung Telah Kulub Bilal (2) Kulub Bakir ruangan Sepri (3) Chembung Nandur (4) Chuai Paduka Besar Mustafa

yang ada sekarang.

Baba bin Sahil berkata: Kubangnya besar tiga (1) Kampung Tengah (2) Pedas (3) Tanjung. Giliran ini singgah kepada Kampung Tengah. Asal keturunan ini dari pada Gadung seorang perempuan nama Gindik. Gindik ini mengadakan seorang anak perempuan nama Chepa. Chepa mengadakan 6 orang anak (1) Pitah (2) Kulub Dua (3) Senang (4) Ja'ilam (5) Minah (6) Bangkung lelaki. Pitah dengan kulub Dua pindah ke Chembung. Dua menjadi Datuk Setia Maharaja duduknya di Chembung (3) Senang Kampung Tengah (4) Ja'ilam Sepri (4) Minah Chuai (6) Bangkung lelaki telah meninggal. Hamba datuk mendapat salasilah ini daripada Datuk Setia Maharaja Kulub Bulal. Duka Besar Kulub Bakir perut Ja'ilam lepas itu jadi Duka Besar Mandur perut Chembung pechah Chembung jadi Duka Mustafa yang ada sekarang perut Chuai. Besarnya faal ada empat didalam empat ruang itu (1) perut Ja'ilam Maharaja Singa (2) Perut Pitah Kaya Maharaja Perut Minah Duka Menteri, Perut Senang Duka Menteri.

Nordin bin Suhor berkara: Perjalanan Datuk Setia Maharaja itu asalnya daripada Gadung namanya Gindik duduknya di Kampung Tengah, Gindik itu anaknya dua (1) Chepa (2) Nyai Rintik duduknya di Kampung Tengah. Chepa itu anaknya dua (1) Pitah (2) Setia Maharaja Dua, Nyai Rintik anaknya empat (1) Minah duduk di Chuai (2) Ja'ilam duduk nya Sepri (3) Semang duduknya Kampung Tengah satu lagi laki-laki namanya Bangkung. Kampung Tengah telah jadi Datuk Setia Maharaja Kulub Bila itulah menunjukkan dua pechahannya.

Soal Undang kepada Nordin: Apa keterangan menunjukkan besar yang lain itu baharu. Jawab Nordin tak dapat hamba datuk keterangan.

Tahir bin Noh berkata: Hamba datuk dapat tahu asal keturunan hamba datuk daripada gadung seorang perempuan namanya Chepa, Chepa beranak enam orang (1) Pitah (2) Dua (3) Senang (4) Ja'ilam (5) Minah (6) leki-laki Bangkung mangkat, Pitah pindah di Chembung dengan Dua bergelar Datuk Setia Maharaja, Senang tinggal di Kampung Tengah, Ja'ilam tinggal di Sepri, Minah tinggal di Chuai. Besarnya Sepri Maharaja Singa Kampung Tengah Menteri Hakim, Chambung Kaya Maharaja. Chuai Duka Menteri, buapaknya empat yang telah jadi Kampung Tengan Kulub Bilal (2) Kulub Bakir Spri, perut Chembung Nandur perut Chuai Mustafa inilah sahaja yang hamba datuk tahu,

Dengan kebulatan buapak besar-besar dan sekalian waris-waris yang hadir dihadapan Lembaga Darat dan Baruh didapati buapak besar-besar dan waris-waris itu sekacitalah memulangkan kepada Undang samada di puteh atau di hitamkan semua tiadalah terkilan.

tt (HJ IPAP)

Undang Luak Rembau
Kepada 19 haribulan Nigansu 2605.

کهلیرلن فساک لهباک داتوء ستیا مهراج ه

بهوا کیلیرلن فساک داتوء ستیا مهراج یهتله کوسوڅ ایت تله کاي سرهکن کهد
ا.ا. فساک سهله دارت سفاي مولهکن کهد وارث۲ن باکي منجاري کیلیرانن ه داتوء ستیا مهراج
یهتله کوسوڅ ایت ه ددالم چارین وارث۲ سرة لهباک لیم دان سهبلن سهله دارت ددانداني
جاتوهله کیلیرانن کهد کهفوڅ تهه ه اد فون کهفوڅ تهه ایت دوا روڅتن ه فرتلم روڅن چهوڅ کدوا
روڅن کهفوڅ تهه دان فرتاهتن لهباک لیم دان سهبلن فون دوا سهاج روڅتن ه

تتاني دالم سیاستن کاي دڅن هالوسن لهالي فد 05 ه 2 ه 19 دهدڅن داتو۲
لهباک دارت دان باوه دان دانتارا وارث۲ ن یڅحاتیر ه مک دڅن چرڅن کاي منهکن دڅن
هالوسن ه دان جوا وارث۲ کهفوڅ تهه ایت تهتق هاوه کیلڅن لاکي دانس منجاري کیلیرلن فساک
داتوء ستیا مهراج ایت ه اوله یهدمکن تله هصحکن بهوا کیلیرلن داتوء ستیا مهراج ایت
اداله سفرت دبلوه این ه

فرتلم کهفوڅ تهه کدوا فداس دان کیهک تتجوڅ ه مک فد کالي این جاتوهله کیلیرلن
فد کهفوڅ تهه ه اداله کهفوڅ تهه این لهفت روڅتن یهني لهفت اندوڅن ه

(1.) چهوڅ اندوڅن ه ه ه ه ه ه ه ه ه ه ه توء فیته بسرن کلر کاي مهراج ه
(2) کهفوڅ تهه اندوڅن ه ه ه ه ه ه ه ه ه ه ه سڅغ بسرن کلر منتري حاکم لهباک تله جادي کولب بیلل ه
(3) سفري اندوڅن ه ه ه ه ه ه ه ه ه ه جاهلم بسرن کلر مهراج سهداه
(4) چواي اندوڅن ه ه ه ه ه ه ه ه ه ه ه ه ه مهنه بسرن کلر دوک منتري ه

سڅکومفون سده اد منجادي داتوء ستیا مهراج ددالم چهوڅ یاایت داتوء ستیا مهراج (دوء)
تتاني سودارا فد فیته زمن ایت بلم هرڅه لاکي هداڅ لور سروهون ه

کدین جادي فول داتوء ستیا مهراج کولب بیلل کهورڅن توء سڅغ کهفوڅ تهه ه نهتق
یهلوم منرم کیلیرلن لاکي فساک داتوء ستیا مهراج ایت اداله کهورڅن فیته جاهلم دان مهنه ه
یاایت چهوڅ سفري دان چواي ه مک دسهکن فساک لین سالو سهاج فد هاري لین مک کاي
فیلیهاله ددالم تیک کهورڅن درفد فیته ه جاهلم ه مهنه سداله سوڅ درفد اتق ۲ وارڅن یاایت
ه ه ه ه ه ه ه ه ه ه ه ه ه

Copy No. 13 in P.J.R.50/2603

(8) in U.R (D) 1/06.

54

District Office,
Rembau, 20th. December, 2604

The Chiho Kacho,
N.S.,
Seremban.

I have to report that Dato' Setia Maharaja Ahmad bin Kulop, Lembaga Suku Biduanda Setia, Rembau was produced before the Magistrate, Rembau on 19.12.2604 to answer the following charge:

"That you on 4.1..04 at about 2 p.m. at Kampong Batang Nyamor, Kota did in a building belonging to one Che' Gu Mohamad bin Katin which said building is used by the said Che' Gu Mohamad bin Katin committed the theft of the following articles namely (1) locket and two wristlet chains valued $920/- and thereby committed an offence punishable under Section 380 of the Penal Code, Cap.45"

2. He pleaded guilty to the charge and was convicted and sentenced to 3 weeks R.I. and to pay a fine of $300/- in default thereof to undergo an additional two month's R.I. Sentence of imprisonment to run from date of his confinement in police custody at Kota and Tampin i.e. from 29.11.04. The fine was paid.

3. The tribal appointment concerned carried with it a political allowance of $14/- p.m. The rule of adat holds that the Dato' ceases to be a Dato' from the moment of his conviction by the Court and a successor shall be appointed in his place.

4. I am to inquire therefore whether he is entitled to draw his political allowance for the month of December up to 19th. inclusive i.e. up to the date of his conviction. Personally I am of the opinion that he forfeits his right to that allowance, for the reason that although he was convicted on 19.12.04, his imprisonment sentence runs from 29.11.04.

Sd. [illegible]

Asst. District Officer,
Rembau.

95

Ini Eddris Hamba Dato'
Ahmad b. Kulub
No. 5649 Wogen Shop
C.W. Shop Sentol
K.L.
24.4.46

Kahadapan yang teramat Mulia tuan Hj Ipap Undang Luak Rembau ada lah ke'adilan memerintah Luak Rembau ada nya.

dengan hormatnya Hamba tuan yang beroleh nama Ahmad b Kulop Hamba dato' balik dari pada Tampin tiada dapat ~~Hamba dato'~~ singgah di Rumah Undang Dato' ialah perchakapan tuan D.O.T. Hal Hamba Dato' ialh dia nya mansiasat dengan sehalus2 nya bersama2 Undang Dato' di harap Hamba Dato dengan Undang Dato menyokong Hamba Dato' yang miskin ini itu sahaja di sudahi dengan berbanyak2 ampun serta maaf di bawah Dato' yang Mulia Undang Dato' adanya

yang Hina Hamba Dato'

tt

24.2.46

56

Tel.No.1 Tampin
DOT.55/46 (8)
L.K.

25th. April, 1946.

From District Officer,
Tampin.

To. Yang Teramat Mulia Undan,
Rembau, Rembau.

Berhubong dengan perkara pechatan Dato Setia Maharaja Ahmad bin Kulop itu, di-harapkan sahabat beta menjalankan siasat jika sa-benar-nya ia ada melakukan kesala sabagaimana yang menyebabkan ia di-tudoh dalam masa perentah Jepon dahaulu itu, dan jika sabit kesalahan-nya bagimana pul hukoman adat terhadap kepada-nya.

2. Beta chadangkan siasat ini di-jalankan di-hadziri oleh Lem baga, Buapak dan lain-2 saksi yang boleh memberi keterangan d dalam perkara tudohan itu,. Bekas Dato' Setia Maharaja sekar ini berada di-alamat. No.5649, Wagon Shop, Central Workshop, S n Kuala Lumpur.

3. Harap sahabat beta memberi beta tahu hari mengadakan siasa an yang tersebut, kerana beta akan hadzir bersama-2.

4. Bersama-2 ini beta kembalikan file sahabat beta U.R.(D)1/(

Yang Teramat Mulia Undan

2 District Officer, Tampin

57

Balai Undang Kembau,
Kembau,
1 st May 19-47

Kau-la-hul-hak

Warkah - tul-ikhlas iaitu daripada beta dato Lela Maharaja Al-Haji Ipap bin Abdullah Undang Luak Kembau.

Mudah-mudahan barang disampaikan Alleh jua kira nya kahadapan sahabat beta tuan Pegawai Jajahan Tampin dengan selamat nya.

Ahwal dengan hormat nya beta maalumkan kepada sahabat beta iaitu di-pinta sahabat beta memperhatikan di-pejabat tuan penolong Pegawai Jajahan Kembau pada hari Khamis 9.5.46 waktu pukol 11 pagi kerna beta hendak menyiasat perkara bakal Bato Setia Maharaja Ahmad bin Kulop dengan janda nya, oleh itu besar lah harapan beta kepada sahabat beta hadzir bersama-sama dengan tidak diazur kan demikian lah sahaja maalum kan ada nya.

Undang Luak Kembau
Kembau

MEMORANDUM.

[illegible]

[illegible]

[illegible]

BICARA BERKENAAN BEKAS DATO' SETIA MAHARAJA AHMAD BIN KULUB DENGAN JANDANYA IN. KELEDEK PADA HARI KHAMIS WAKTU PUKUL 10 PAGI BERSAMAAN 16 MEI 1946

Lembaga yang hadir:

1. Datok Gempa
2. Datok Samsura
3. Datuk Ganti
4. Datuk Purba
5. Datuk Raja Senara
6. Datuk Mangku
7. Datuk Bandar
8. Datuk Menteri
9. Datuk Majinda Kidam
10. Datuk Ngiyang
11. Datuk Setia Raja
12. Datuk Sutan
13. Datuk Nika Haji Tayah
14. Datuk Nika Maarof
15. Datuk Seri Maharaja
16. Datuk Langsa Haji Seman.

Kata Datuk Perba Osman:

Datuk Setia Maharaja itu dipecat di Balai bukannya kesalahan sah batal didalam balai kerana tumbuhnya didalam mahkamah itu hukum yang bersabit dengan undang pemerintah Jepun dahulu. Iaitu hukum nya jail 10 hari dan didenda $250.00 Perkara semacam itu jika ter kena pada mereka yang beradat tak boleh menjunjung pesaka lagi berkata adat tetapi masa Jepun menduduki negeri ini.

2. Bila datang pemerintahan Inggeris ~~mereka yang~~ balik kenegeri ini bahawa sekalian mereka yang dihukum oleh pemerintah Jepun dahulu samaada mereka berjawatan atau tidak kerajaan yang maha adil telah membatalkan hukuman itu. Maka keterangan yang didapati mereka yang kena hukum masa itu tak ada apa kesalahan yang bersabit pada dirinya.

3. Bagi pihak saya atas itu adalah kesalahan di masa Jepun dahulu tak boleh di pakai dan bicarakan. Pada hari ini sepanjang pendapatan saya bahawa Datuk Setia Maharaja Amat itu samahah seperti dia menyandang pesaka Datuk Setia Maharaja yang tak ada cacat cederanya pada adat. Demikiannyah sembah maklum pada Undang.

tt
16/5

16.5.46

61

برکنائن کسلاهن داتؤ ستیا مهراج امت بن کولوب ماس فرنته حفوز دهولو
ماس کراجائن اتکزیس داتغ کماری فد 9.5.46 کراجائن بریتیش تله ممبطلکن.
برمعناله داتؤ ستیا مهراج ایت تاسالله حال ابن دتغکوهکن فد 16.5.46 دارن
هندق منیغوقکن عادتن دبالی ملک کبولتن - کلین لمبان بیقاد فد هاری این کفوتن
برستوجودغن حکم کراجائن. تؤ ستیا مهراج ایت تاسالله اینله - سمبه
داتؤ لمبان فد اندغ سوت منورنکن عتداتاغن دباوه این: —

1. داتؤ [illegible]
2. [illegible] 16.5.46 D.P.
3. داتؤ انا دیکا معروب
4. داتؤ [illegible] 16.5.46
5. [illegible]
6. [illegible]
7. داتؤ [illegible]
8. داتؤ [illegible]
9. [illegible]
10. [illegible]
11. داتؤ [illegible]
12. داتؤ منتری عبد الطلیب
13. داتؤ [illegible]
14. داتؤ [illegible]
15. [illegible]
16. [illegible]
17. [illegible]

16.5.46

Berkenaan kesalahan Datuk Setia Maharaja Amat bin Kulub masa pemerintahan Jepun dahulu masa kerajaan Inggeris datang ke mari ia ada 9.5.46 kerajaan British telah membatalkan. Bermaknalah Datuk Setia Maharaja itu tak salah. Hal ini ditangguhkan pada 16.5.46 kerana hendak menengukkan adatnya di Balai. Maka kebulatan sekalian Lembaga yang ada pada hari ini keputusan bersetuju dengan hukum kerajaan. Tak Setia Maharaja itu tak salah. Inilah sembah Datuk Lembaga pada Undang serta menurunkan tantangan dibawah ini.

(catitan: ada 17 tandatangan)

Balai Undang Rembau,
Rembau, N.S.
Kepada 17 hb. Mei, 1946.

Kullah alhak.

Warkah ikhlas watahfat ala jafas yang terbit daripada beta Datuk Lela Maharaja al Haji Ibap bin Abdullah Undang bagi Luak Rembau berasa semasa ini di balai Undang Legung Ulu Rembau.

Mudah-mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan seru sekalian alam adalah jua kiranya terhampar ke majlis sahabat beta Tuan Pegawai Jajahan Tampin berada di bandar Tampin adalah dengan beberapa selamat dan kesejahteraannya.

Ehwal beta maklumkan kepada yang mulia sahabat beta berkenaan kesalahan Datuk Setia Maharaja Ahmat bin Kulub masa perintah Jepun dahulu bila kerajaan British datang ke mari, pada 9.5.46 kerajaan British telah dibatalkan bermaknalah Datuk Setia Maharaja itu tidak salah. Hal ini ditangguhkan pada 16.5.46 kerana hendak menengokkan adatnya di Balai. Maka dengan kebulatan lembaga-lembaga yang ada pada hari itu didapati keputusannya bersetuju dengan hukuman kerajaan Datok Setia Maharaja itu tak salah pada adatnya. Maka dengan hal yang demikian inilah beta memberitahu pada pengetahuan sahabat beta iaitu beta tiadalah apa adalan kerana mengikut sepenjang adat hal demikianlah beta maklumkan disudahi dengan ingatan selamat selamalamanya.

Termaktub di Balai Undang Rembau
kepada 17 hb. Mei 1946.

Datuk Lela Maharaja
Undang Luak Rembau.

64

H.
Tel.No.1.Tampin.
D.O.T.55/46/12.

(Gen. 67)

Official Memorandum.

18th June, 1946.

From Pegawai Jajahan,
Tampin.

To Yang Teramat Mulia Undang of
Rembau, Rombau.

Ehwal beta maalumkan kepada Yang Teramat Mulia sahabat beta berkena'an dengan Dato' Stia Maharaja Ahmad bin Kulop Lombaga suku Biduanda Satir yang telah terpechat. Keraja'an telah memperkenankan ia nya menjawat jawatan nya balik semula.

2. Bayaran political allowance nya di-jalankan daripada 1.6.46.

Demikian lah beta maalumkan di-sudahi dengan ingatan selamat ada nya.

Pegawai Jajahan,
Tampin.

10586—25,000 100 p—22-6-38—R 45-37.

KUALHAK

Kehadapan Yang Teramat Mulia Undang Rembau yang disabdakan kepada hamba datuk pada 5.9.46 perkara Datuk Setia Maharaja minta panggil sekalian waris dan besar dia dan serta bersama Datuk Sutan pada 26.9.46 hari khamis sudah diterangkan kepada waris serta besar Datuk Setia Maharaja Mohamad Sari dan ibu bapak Mohamad Tahir.

Besar yang ada pada masa itu bersama-sama (1) Maharaja Saman - Lela Menteri Tahul Paduka Besar Mohd Tapa dan waris Datuk Sati Maharaja - nampaknya menerimalah sabda.

Saksi tali persaksikan lin puteh Inoh (ibu bapak) bakanda Singah.

Dan lagi Datuk Setia Maharaja Mat Sari ada bersama-sama beserta (besarnya?) Mustafa - dia semuanya bersetuju menerima.

Waris di Pedas turut ada datang dan surat ada diberinya pada ibu bapak Mat Tapa yang telah diperbuat dahulu. Pada 28.9.46 sahaya ada berjumpa orang yang telah dibuat oleh Mat Tapar dahulu - sahaya sudah yanya pada dia kemapa tidak datang pada 26.9.46. Jawabnya tidak dapat surat. Pada masa itu sahaya sudah ceritakan pasal Datuk Setia Maharaja itu ialah Mat Sari - Paduka Besar Muhd Tapa dia pun bersetuju. Inilah hamba datuk sembahkan semuanya kepada Undang datuk. Tempat bertenguh di surau Tanjung.

Sembah ampun berbanyak-banyak.

tt

29.9.46

Names of Lembagas in Luak Rembau

No.	Name and Gelaran	Remarks
1.	To' Perba Osman bin Sekat	Appointed on 16.5.43 in place of To' Perba Salleh bin Matseh died on 30.3.43.(U.R.(M)3/43)
2.	To' Puteh Maarof bin Hj Abd Rahman	
3.	To' Raja Senara Alian bin Zakaria	
4.	To' Ganti Isa bin Pilil (berhenti 22.12.47)	Appointed on 30.4.45 in place of To' Ganti Ujang bin Taib resigned also To' GantiIsa bin Pilil 22.12.47 resigned-now vacant.
	(To' Ganti Ujang bin Taib - berhenti 1.2.45)	
5.	To' Langsa Haji Sulaiman bin Mustapha	
6.	To' Gempa Maharaja Haji Kamar bin Hj Jatin	Vacant Died on 15.3. 47
7.	To' Merbangsa Haji Kamar bin Merlak	Vacant Died on 15.3.47 (U.R.(B) 1/47)
8.	To' Sangsura Haji Kadir bin Hj Jatin	
9.	To' Bangsa Balang Piei bin Abu	
10.	To' Sri Maharaja Amat bin Leman	
11.	To' Sinda Maharaja Ingon bin Mahmud	
12.	To' Andika Maafof bin Hj Akob	
13.	To' Mendelika Haji Taeh bin Taib	
14.	To' Niang Maaris bin Mahmud	
15.	To' Maharaja Inda Kidam bin Safar	
16.	To' Sutan Bendahara Kadir bin Wawal	
17.	To' Setia Maharaja Amat bin Kulop	No. (14) in D.O.R. 50/43. dismissed (jail) 29.11.44 (Appointed D.O.T. 55/46)
18.	To' Dagang Ujang bin Said	
19.	To' Mengkuta Bador bin Pral	Appinted on 12.2.44 in place of To' Mengkuta Hj Usoh bin Jalil dided on 10.1.44. (U.R.(M) 1/44)
20.	To' Panglima Dagang Adam bin Isa	Appointed on 7.10.46 in place of To' Dagang Adam bin Yusof dismissed (jail)

ORANG BESAR UNDANG

1. To' Menteri Talib bin Hj Abdullah	Appointed on 14.3.43 in place of To' Menteri Kamarudin bin Abdullah dismissed 12.8.1942 (D.O.T. 313/42 & U.R.(M) 13/42)
2. To' Bandar Haji Sail bin Mundok	Vacant. Died on 15.12.46.
3. To' Raja Md. Dom bin Yassin	Appointed on 7.10.46 in place of To' Raja Muid bin Pral dismissed (jail).
4. To' Mangku Bumi Abd. Wahab bin Capek	Appointed on 19.3.45 in place of To' Mangku Bumi Jamal bin Taib dismissed 12.2.45 (DO.T. 135/45 & U.R. (B) 2/45)

A334505

FEDERATED MALAY STATES GOVERNMENT.

SANITARY BOARD.

STATEMENT OF ACCOUNT.

Name ..... *Account No.* .....

Address ..... *Circuit No.* .....

ACCOUNT RENDERED				$	c.	$	c.
I.—WATER SUPPLY.							
Period							
From	To	Units	Rate				
Meter Rent for		Half year					
II.—ELECTRIC.							
(a) LIGHT A C							
Period							
From	To	Units	Rate				
(b) POWER A C.							
Period							
From	To	Units	Rate				